

Penyelesaian Terhadap Isu Perpecahan dalam kalangan Umat Islam Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah

(The Solution to the Issue of Disunity Among Muslims Based on the Quran and Sunnah)

Tazlie Sham Bin Ab. Rahman^{1*}, Bushrah Binti Basiron²

¹Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Email: tazliesham@gmail.com

²Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Email: bushrah@utm.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Tazlie Sham Ab. Rahman
(tazliesham@gmail.com)

KATA KUNCI:

Perpecahan
Penyatuan
Ummah
Islam
Quran
Sunah

KEYWORDS:

Split
Consolidation
Ummah
Islam
Quran
Sunah

CITATION:

Tazlie Sham Ab. Rahman & Bushrah Basiron. (2022). Penyelesaian Terhadap Isu Perpecahan dalam kalangan Umat Islam Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), e001646. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i8.1646>

ABSTRAK

Al-Quran dan sunah mengandungi beberapa saranan umum sebagai panduan umat Islam untuk mengekalkan perpaduan. Artikel ini menerangkan beberapa saranan al-Quran dan sunah secara ringkas sekiranya dipraktikkan dalam kehidupan dapat menjaga kesatuan umat Islam yang menonjolkan sikap toleransi dalam perbezaan pendapat. Metodologi kajian yang digunakan ialah melalui pendekatan kajian kualitatif dengan memilih kaedah analisis kandungan daripada sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian menunjukkan beberapa saranan al-Quran yang menggariskan beberapa konsep penting untuk kesatuan umat yang boleh disemai dan dicapai walaupun wujud perbezaan pandangan. Perkara paling penting ialah saranan-saranan yang ingin dipraktikkan mestilah bertunjangkan keimanan yang hakiki. Perpecahan dalam kalangan umat Islam mesti diselesaikan untuk mengelakkan krisis yang lebih besar yang akan merugikan umat Islam itu sendiri jika dibiarkan tanpa usaha-usaha ke arah penyatuan ummah. Kesimpulannya, permasalahan dan isu perpecahan umat Islam boleh diselesaikan dengan petunjuk al-Quran dan sunah jika wujud kefahaman dan penghayatan dengan bersungguh-sungguh dalam segala aspek kehidupan.

ABSTRACT

The Qur'an and the sunnah comprehend some general counsels as a guide for Muslims to attain unity. This article explains some brief guidelines of the Qur'an and the sunnah in directing and life practicing in achieving the unity of Muslims who emphasize tolerance in differences of opinion. The research methodology used utilizing the qualitative research approach by choosing content analysis methods from primary and secondary sources. The findings of the

study show some Quranic recommendations that outline some important concepts for the unity of the ummah that can be sown and achieved despite differences of opinion. The most important thing is that the recommendations to be practiced must be based on genuine faith. The divisions among Muslims must be resolved to avoid a larger crisis that would be to the detriment of the Muslims themselves if left without efforts towards the unification of the ummah. In conclusion, the problems and issues of division of Muslims can be resolved with the guidance of the Qur'an and sunnah if there is profound understanding and appreciation in all aspects of life.

Sumbangan/Keaslian: Pernyataan sumbangan atau keaslian kajian, tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

1. Pengenalan

Umat Islam adalah umat yang bersatu di atas dasar keimanan. Firman Allah SWT: “Sesungguhnya ini adalah umat kamu umat yang satu dan Aku adalah tuhan kamu maka beribadahlah (kepada-Ku)” Surah al-Anbiya’: 92 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994). Sabda Rasulullah SAW: “Perumpamaan golongan yang beriman pada sifat berkasih sayang, saling merahmati, dan saling membantu adalah seperti suatu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit menyebabkan keseluruhan tubuh badan berjaga malam dan mengalami demam” (al-Bukhari, 2000; Muslim, 2000). Begitulah perumpamaan tautan hati orang mukmin yang sangat kuat menggambarkan keutuhan kesatuan umat Islam melalui ikatan persaudaraan berdasarkan keimanan. Kekuatan umat Islam berada pada kesatuan berasaskan iman yang teguh, manakala kelemahan dan kehinaan akan menimpa umat Islam jika memilih perpecahan.

2. Sorotan Literatur

Berlaku pelbagai fitnah menyebabkan umat Islam berpecah belah. Allah SWT memerintahkan supaya berpegang teguh dengan al-Quran dan hadis supaya terselamat daripada kesan fitnah tersebut. Rasulullah SAW telah memberikan amaran melalui gambaran awal bahawa umat Islam akan berpecah-belah setelah kewafatan baginda. Sabda Rasulullah SAW: “Golongan Yahudi berpecah kepada 71 golongan, manakala umatku akan berpecah kepada 73 golongan” (Ibn Majah, 2009; al-Tirmidhi, 2009).

Perpecahan umat Islam asalnya bermula daripada perselisihan dalam pemilihan pimpinan politik seterusnya bertukar menjadi perselisihan aliran akidah sepanjang sejarah Islam. Perpecahan menyebabkan mereka lemah lalu menjadi mangsa penindasan musuh yang menyerang dari segenap penjuru walaupun bilangan umat Islam bukan sedikit. Tidak hairanlah sekiranya umat yang sebegitu ramai boleh dikerumun dan dibantai oleh musuh. Situasi tersebut didedahkan oleh Rasulullah SAW tentang pelbagai penyakit yang akan menimpa ummah di dalam sebuah hadis: “Hampir tiba suatu zaman, umat-umat saling berkerumun ke atas kalian seperti silih berganti orang-orang yang makan pada satu hidangan.” Maka seorang bertanya: “Adakah kerana jumlah kami sedikit pada ketika itu?” Baginda SAW menjawab: “Bahkan jumlah kamu ramai pada saat itu tetapi keadaan kamu seperti buih-buih ketika banjir. Allah akan mencabut dari (hati) musuh-musuh kamu perasaan takut terhadap kamu serta kamu

akan ditimpakan (penyakit) *al-Wahn* di dalam hati-hati kamu.” Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah! Apakah *al-Wahn*?” Baginda menjawab: “Cinta dunia dan takut mati.” (Abu Dawud, 2009). Rasulullah SAW bersabda: “Penyakit umat umat terdahulu akan menjalar kepada kamu; perasaan hasad dan saling membenci. Itulah sebenarnya pencukur. Aku tidak mengatakan pencukur rambut, tetapi ia mencukur agama” (al-Tirmidhi, 2009).

Fitnah yang dahsyat akan menimpa umat Islam sebagaimana sabda Rasulullah SAW: “Bersegeralah melakukan amal-amal sebelum berlaku fitnah seperti potongan-potongan malam yang gelap gelita, Keadaan begini menjadikan seseorang lelaki beriman pada waktu pagi dan kufur ketika petang, atau beriman pada waktu petang dan kufur ketika pagi. Ini disebabkan tindakan menjual agamanya dengan sedikit kesenangan dunia” (Muslim, 2000; al-Nawawi, 2007; al-Tirmidhi, 2009).

Itulah gambaran kecintaan kepada habuan dunia yang menghakis keimanan dan semangat persaudaraan kerana mengutamakan kepentingan diri yang membawa kepada permusuhan yang memecahbelahkan umat Islam. Sedangkan sebab-sebab kekuatan umat Islam dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran oleh Allah SWT yang memberi peluang memilih untuk kembali kepada kesatuan atau berterusan dalam keadaan lemah dan berantakan sebagaimana realiti keadaan umat Islam pada hari ini.

Realiti di negara umat Islam memperlihatkan ummah berada dalam pecahan parti-parti politik yang berlumba-lumba untuk merebut kuasa pemerintahan sehingga berlaku pertembungan sesama sendiri yang menyebabkan banyak tenaga dibazirkan. Tambahan pula serangan dan asakan musuh Islam daripada segenap penjuru menjadikan umat Islam semakin tersepit yang memburukkan lagi keadaan. Lumrah parti-parti politik adalah bermusuhan antara satu sama lain sehingga ke tahap menghalalkan darah dan maruah yang merupakan perlakuan yang diharamkan oleh Allah SWT dan RasulNya. Artikel ini akan mengupas keistimewaan konsep kesatuan dalam masyarakat tanpa menjerumuskan diri dengan larangan-larangan Allah SWT yang diharamkan oleh Islam.

3. Metod Kajian

Kajian ini akan mengemukakan konsep perpaduan berdasarkan al-Quran dan sunah dengan memfokuskan kepada penyelesaian Islam melalui pendekatan kajian kualitatif dengan memilih kaedah analisis kandungan. Analisis dibuat berdasarkan sumber primer yang mempunyai hubungan secara langsung dengan subjek yang dikaji dan juga sumber sekunder. Antara rujukan utama ialah al-Quran dan hadis, kitab-kitab turath yang berkaitan di samping kitab-kitab ulama muktabar. Dengan menggunakan metode-metode tersebut serta hanya mengambil kira pandangan para pengkaji yang berautoriti, diharapkan maklumat-maklumat terkumpul dapat diteliti dan dianalisis berdasarkan metode yang jelas dan sesuai untuk menghasilkan kesimpulan yang sahih dan boleh diterima.

4. Hasil Kajian

Secara asasnya, terdapat beberapa ayat dalam al-Quran yang mengisyaratkan tentang konsep perpaduan sebagaimana penerangan berikut:

4.1. Pertama: Persaudaraan Umum Sesama Mukmin

Allah SWT mensyariatkan persaudaraan sesama mukmin. Persaudaraan ini terbina di atas keimanan kepada Allah SWT dan Rasul SAW melalui kalimah syahadah. Umat Islam perlu menyedari hakikat ini dengan menganggap semua orang mukmin adalah saudara seagamanya yang merentasi sempadan keluarga, bangsa dan negara. Firman Allah SWT: “Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.” Surah al-Hujurat: 10 ([Abdullah Muhammad Basmeih, 1994](#)). Sabda Rasulullah SAW: “Janganlah kalian saling berdengki, menipu, marah dan memutuskan hubungan. Janganlah kalian menjual sesuatu yang telah dijual kepada orang lain. Jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara. Seorang Muslim adalah saudara bagi Muslim yang lain, dia tidak menzalimi dan mengabaikannya, tidak mendustakan dan tidak menghinanya. Taqwa itu di sini (dengan menunjukkan adanya sebanyak tiga kali). Memadai seseorang dikatakan jahat jika dia menghina saudaranya yang Muslim. Hak setiap Muslim terhadap Muslim yang lain adalah haram darah, harta dan kehormatannya” ([Muslim, 2000](#); [al-Nawawi, 2007](#)).

Persaudaraan dalam ayat tersebut berkaitan dengan agama ([Ibn Jarir, 2001](#)) dan kehormatan ([al-Qurtubi, 2006](#)) orang mukmin walaupun tanpa hubungan nasab atau kekeluargaan. Imam Hasan Al-Banna mengatakan bahawa *ukhuwwah* adalah saudara keimanan manakala perpecahan adalah saudara kekufuran. Kekuatan paling ampuh ialah kekuatan yang terbina melalui kesatuan ([Al-Khatib, 2008](#)).

Berdasarkan sejarah, perkara pertama ketika hijrah Rasulullah SAW ialah mempersaudarakan kalangan Muhajirin dan Ansar. Melalui hubungan persaudaraan, maka keteguhan saf yang sangat penting dalam perjuangan Islam dapat diwujudkan ([Yahya Othman, 2012](#)). Masyarakat Islam yang terbentuk di Madinah atas dasar prinsip persaudaraan di antara semua orang beriman sehingga terciptalah jalinan ukhuwwah yang kuat menggantikan tradisi balas dendam, semangat perkauman kabilah dan sebagainya ([Al-Khatib, 1990](#)). Peringkat pertama penghijrahan Rasulullah SAW ke Madinah adalah mempersaudarakan golongan Aus dengan Khazraj. Seterusnya, Baginda Rasulullah SAW membina ikatan persaudaraan antara golongan Muhajirin dan Ansar untuk melenyapkan sikap fanatik kesukuan dalam mewujudkan roh pengabdian kepada agama Islam.

Meskipun persaudaraan kaum Muhajirin dan Ansar telah dilakukan oleh Rasulullah SAW, pemimpin kedua-dua kaum masih kekal untuk memimpin kelompok masing-masing. Persaudaraan Islam tidak menghalang untuk kekal berada dalam kelompok masing-masing kerana fitrah manusia dijadikan dalam pelbagai bangsa dan kabilah sebagaimana firman Allah SWT: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)” Surah al-Hujurat: 13 ([Abdullah Muhammad Basmeih, 1994](#)).

Malangnya, semangat persaudaraan Islam semakin pudar dengan sikap fanatik kepuakan, kesukuan dan kepartian yang menyempitkan persaudaraan sesama ahli parti atau komponen-komponennya sahaja secara khusus. Sedangkan Islam mengajar

umatnya supaya menjalin persaudaraan antara orang beriman secara umum. Oleh itu, sikap fanatik secara eksklusif dan khusus tadi melebarkan jurang perpecahan sekaligus menghilangkan kesatuan dan kekuatan serta memarakkan api permusuhan dan persengketaan antara umat Islam. Oleh demikian, menjadi kewajipan utama oleh mana-mana pemimpin dan ahli parti atau kumpulan untuk menjaga jalinan persaudaraan Islam secara umum dan global yang menjadikan kesemua umat Islam di dunia adalah bersaudara pada setiap masa dan tempat.

4.2. Kedua: *al-Wala' dan al-Bara'* Hanya Kepada Allah, Rasul dan Mukmin

Dua kalimah shahadah yang dituturkan oleh setiap orang Islam adalah ikrar dan pengakuan bersungguh-sungguh mengandungi *al-Wala' dan al-Bara'* kepada golongan yang dinyatakan dalam al-Quran. Firman Allah SWT: “Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah, dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)” Surah al-Maidah: 55 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994). Nas tersebut merupakan dalil yang menyatakan setiap mukmin hendaklah memberikan wala' kepada setiap mukmin. Antara maksud *al-wala'* ialah ketaatan, kasih sayang dan pertolongan (al-Jurjani, 2003). Istilah *al-wala'* mempunyai pelbagai maksud dan pengertian yang mengisyaratkan wujudnya hubungan secara teori atau amali (Ramli Awang, 2013). Ini bermaksud, *al-wala'* perlu diberikan secara mutlak kepada Allah SWT dan Rasul SAW serta orang yang beriman kepada Allah SWT dan Rasul SAW. Manakala *al-bara'* pula bermaksud tidak berkaitan, berlepas dan menjauhkan diri daripada perkara yang dibenci (al-Raghib al-Asfahani, 2013) oleh syarak. Antara maksud lain ialah terlepas daripada perkara keburukan dan bebas daripada kebatilan dan perkara dusta (Ibn Manzur, 2009).

Al-Quran melarang umat Islam daripada memberikan *al-Wala'* kepada musuh Allah, Rasul SAW dan umat Islam tetapi memerintahkan supaya mengambil sikap *al-Bara'* kepada pihak musuh Islam tersebut. Umat Islam perlu mengenali dan dapat membezakan antara kawan dan lawan berdasarkan nas syarak. Kawan atau lawan dalam *al-Wala' dan al-Bara'* ditentukan berdasarkan akidah iman atau kufur. Al-Quran mengkategorikan manusia kepada dua kumpulan iaitu *Hizb Allah* (Parti Allah) dan *Hizb al-Shaytan* (Parti Syaitan). Kedua-dua kumpulan ini mempunyai kepimpinan dan pengikut yang berbeza.

Dalam sebuah hadis, Rasulullah SAW menceritakan tentang fitnah *al-Duhayma'* pada akhir zaman yang menyebabkan manusia akan terbahagi kepada dua kumpulan dengan ciri-ciri yang berbeza. Kumpulan pertama dinisbahkan kepada iman *Fustat Iman* manakala kumpulan kedua dinisbahkan kepada kemunafikan *Fustat Nifaq*. Sabda Rasulullah SAW: “... Kemudian berlaku fitnah *al-Duhayma'* yang akan melanda seluruh umat Islam tanpa ada pihak yang terkecuali. Apabila dikatakan suasana telah aman, tempoh fitnah ini akan menjadi lebih panjang, seseorang menjadi mukmin ketika fitnah ini pada waktu pagi, lalu menjadi kufur pada waktu petang sehingga manusia menjadi dua pecahan kumpulan. Pertama adalah kumpulan iman yang hakiki tanpa sekelumit kemunafikan, manakala yang kedua adalah kumpulan munafik yang hakiki tanpa sekelumit iman. Apabila pemisahan ini berlaku, maka kamu tunggulah kemunculan dajal pada hari tersebut atau keesokan harinya (Abu Dawud, 2009).

Apabila melihat petunjuk ini, rata-rata umat Islam di serata dunia berada dalam pelbagai kelompok dan parti tertentu. Jika diteliti, pelbagai kelompok umat Islam cenderung

kepada pendekatan Islamik manakala yang lain pula cenderung kepada pendekatan sekular dan seumpamanya yang saling bertembung antara satu sama lain. Ini bermakna proses pengasingan kepada kumpulan iman dan kumpulan *nifaq* sedang berlaku, menunjukkan kedua-dua kumpulan masih bercampur aduk antara satu sama lain.

Realiti sesetengah parti-parti politik dan kumpulan mengkhususkan wala' kepada anggotanya berdasarkan keahlian, bukan kepada umat Islam keseluruhannya. Kasih sayang dan pertolongan terhad kepada ahlinya sahaja manakala bukan ahli tidak layak diberikan *al-wala'*. Sikap ini bercanggah dengan nas syarak yang menyeru supaya memberikan wala' sepenuhnya kepada orang mukmin keseluruhannya iaitu atas dasar Islam dan Iman. Oleh itu, umat Islam hendaklah menyedari tentang *al-Wala' dan al-Bara'* yang asasnya kembali kepada pilihan antara akidah iman dan kufur yang mewakili *Hizb Allah* atau *Hizb al-Shaytan*. Kefahaman konsep *al-Wala' dan al-Bara'* membolehkan matlamat untuk kesatuan umat Islam dicapai kerana pendirian dan sikap memberi sokongan atau menentang adalah berdasarkan neraca iman. Firman Allah SWT: "Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka. Mereka (yang setia) itu, Allah telah menetapkan iman dalam hati mereka, dan telah menguatkan mereka dengan semangat pertolongan daripadaNya; dan Dia akan memasukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka tetap kekal di dalamnya. Allah reda akan mereka dan mereka reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya. Merekalah penyokong-penyokong (ugama) Allah. Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (ugama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya" Surah al-Mujadalah: 22 ([Abdullah Muhammad Basmeih \(1994\)](#)).

Oleh demikian, politik Islam Islam mestilah dipimpin oleh pemimpin beriman. Manakala umat Islam wajib memilih pemimpin Islam yang beriman sebagaimana firman Allah SWT yang menyeru orang beriman: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu" ... Surah al-Nisa': 59 ([Abdullah Muhammad Basmeih, 1994](#)). Ayat tersebut menyebut dengan jelas "Ulil-Amri" dari kalangan kamu" iaitu dalam kalangan umat Islam. Sambungan ayat menyatakan supaya sentiasa menjadikan al-Quran dan sunah sebagai rujukan sekiranya ada perselisihan. Firman Allah SWT: ... "Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya" Surah al-Nisa': 59 ([Abdullah Muhammad Basmeih, 1994](#)).

4.3. Ketiga: Penyaksian yang Benar Terhadap Kumpulan dan Ahli

Firman Allah SWT: "Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi),

maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan” Surah al-Nisa’: 135 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

Ayat ini merupakan sebahagian daripada nas yang memerintahkan orang Islam supaya menegakkan keadilan dalam kalangan manusia, membuat penyaksian yang hak walau pun kepada diri sendiri, keluarga termasuk kumpulan supaya setiap Muslim dalam setiap kumpulan memberikan penyaksian ke atas diri sendiri serta kumpulannya dengan hak terhadap perkara yang diketahuinya serta jangan memutar belit maklumat. Maksud putar belit ialah bersikap memihak atau berat sebelah (*bias*) kepada tertuduh dengan cara memejamkan mata berpura-pura tidak nampak dan menyembunyikan tuntutan penyaksian sebagaimana dijelaskan dalam ayat. Firman Allah SWT: “Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan” Surah al-Nisa’: 135 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

Manusia akan nampak kesalahan musuh kerana sentiasa mencari kesalahan jika berpeluang melakukannya. Kesalahan diri atau kumpulan sendiri seringkali dipandang sebelah mata bahkan lebih malang lagi sekiranya mengambil sikap membutakan mata atau menafikan kesalahan tersebut walaupun terbukti benar-benar bersalah. Ini adalah sikap yang tidak adil dan dilarang oleh Islam. Adil dan saksama dalam Islam merangkumi semua pihak termasuk diri sendiri, keluarga, kumpulan termasuklah musuh yang dibenci. Kebenaran tetap benar walau datang daripada pihak musuh manakala kebatilan tetap batil walau melibatkan diri sendiri. Begitulah kemurnian ajaran Islam yang sukar dipraktikkan sekiranya tiada iman dan takwa dalam diri. Ramai yang berlaku zalim kerana iman yang lemah dan terlalu mengikut hawa nafsu dan hasutan syaitan.

Keadilan hakiki adalah menegakkan ajaran al-Quran dan sunah. Hubungan sesama manusia mestilah dibina atas dasar keadilan menurut Islam. Keadilan diterjemahkan dalam mengambil pendirian menerima dan mengakui kesalahan sendiri atau kumpulan serta mengakui kebaikan orang lain atau kumpulannya. Sikap sebegini sangat sukar untuk dipraktikkan kecuali bagi orang yang mempunyai nilai iman dan takwa yang tertanam dalam diri. Firman Allah SWT: “Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan ...” Surah al-Hadid: 25 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

Hakikatnya, jika tidak menjadikan ajaran al-Quran dan sunah sebagai panduan, bermakna hawa nafsu yang sedang menjadi panduan dan ikutan sebagaimana firman Allah SWT: “Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya, (untuk dihitung amalannya), serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu, - Maka sesungguhnya Syurgalah tempat kediamannya.” Surah al-Nazi’at: 40-41 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994). Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman: “Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan” Surah al-Nisa’: 135 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

4.4. Keempat: Tolong Menolong Dalam Perkara Kebaikan dan Takwa

Sabda Rasulullah SAW: “Tidak beriman (sempurna iman) seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri.” (al-Bukhari, 1999). Setiap manusia menginginkan segala kebaikan berlaku ke atas dirinya,

keluarganya dan orang yang yang disayanginya. Islam mengajar umatnya supaya mempunyai sikap sedemikian terhadap saudara seagama kerana sikap tersebut menunjukkan kesempurnaan iman dalam diri. Saranan al-Quran dan hadis boleh mencetuskan rasa tanggungjawab untuk bantu membantu dalam kebaikan supaya kesannya boleh dirasai oleh semua pihak meliputi seluruh umat Islam. Firman Allah SWT: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa” Surah al-Maidah: 2 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

Islam mengajar umatnya supaya sentiasa bersama kebenaran kerana ia menjadi bukti ketakwaan dalam diri. Jika tidak dapat bersama-sama membantu, memberi sokongan serta mengiktiraf kebaikan yang dilakukan pihak lain adalah sikap terpuji yang melambangkan keimanan. Lebih malang sekiranya ada sikap menafikan dan menghalang kebaikan yang dilakukan oleh pihak lain kerana ada sentimen fanatik kepada kumpulan sendiri. Firman Allah SWT: “Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan” Surah al-Maidah: 8 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994). Berlaku adil dalam ayat merangkumi semua pihak sama ada kawan atau lawan.

Sejarah membuktikan bagaimana sikap Rasulullah SAW yang sentiasa menyokong keadilan dan menentang kezaliman seperti *Hilf al-Fudul* (Ibn Hisham, 1998). Berkenaan *Hilf al-Fudul* untuk menegakkan keadilan kepada seorang peniaga yang dizalimi yang berlaku sebelum Rasulullah SAW diutuskan, Rasulullah SAW bersabda: "Aku pernah menyaksikan satu perjanjian di rumah 'Abd Allah Ibn Jad'an. Perjanjian itu lebih aku suka daripada memiliki unta merah. Sekiranya aku diajak menyertai perjanjian semasa Islam, pasti akan aku sahut" (al-Bayhaqi, 2003). Inilah sikap yang perlu ada dalam diri setiap orang yang mengaku beriman.

4.5. Kelima: Tidak Tolong Menolong Dalam Perkara Dosa dan Permusuhan

Allah SWT melarang orang Islam melibatkan diri dalam dosa yang diharamkan syarak. Firman Allah SWT: “... dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)” Surah al-Maidah: 2 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

Tiada ketaatan kepada makhluk dalam menderhakai Allah SWT sebagaimana sabda Rasulullah SAW: “Tiada ketaatan kepada makhluk bagi perkara maksiat kepada Allah.” (Abu Dawud, 2009). Dalam hadis yang lain: “Rasulullah SAW telah menghantar satu pasukan tentera yang dipimpin oleh seorang lelaki daripada golongan Ansar. Beliau menyuruh supaya menghidupkan unggun api lalu mengarahkan semua pasukannya supaya terjun ke dalam api tersebut. Para sahabat RA enggan berbuat demikian lalu 'Abd Allah berkata: Bukankah aku telah dilantik oleh Nabi SAW sebagai ketua kamu dan Nabi SAW bersabda bahawa sesiapa yang mentaatiku maka dia telah mentaati Baginda SAW? Para sahabat RA menjawab: Tidaklah kami beriman kepada Allah dan Rasul kecuali kerana mahu melepaskan diri kami dari api neraka. Hal ini telah sampai kepada pengetahuan Nabi SAW lalu Baginda SAW bersabda: Tiada ketaatan kepada makhluk dalam melakukan maksiat kepada pencipta.” (al-Bukhari, 1999; Muslim, 2000; al-

[Nawawi, 2007](#)). Sabda Rasulullah SAW: “(Wajib) dengar dan taat (kepada pemimpin) ke atas setiap orang Muslim pada apa yang ia suka dan ia benci, selagi mana ia tidak diperintah melakukan maksiat, apabila ia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi dengar dan taat” ([al-Bukhari, 1999](#)).

Tiada ketaatan kepada kumpulan dalam perkara dosa yang diperjuangkan atau diseru. Ketaatan yang disyariatkan oleh Allah SWT untuk diberikan kepada pemimpin hanya dalam perkara kebaikan dan ia adalah tidak mutlak ketika melibatkan perkara dosa dan permusuhan. Oleh itu, tiada ketaatan kepada manusia dalam perkara maksiat dan dosa. Wajib kepada ahli mana-mana kumpulan supaya tidak tolong menolong dalam maksiat atau terlibat dalam dosa sebagaimana saranan nas tersebut termasuklah penganiayaan terhadap harta, darah, maruah saudara Islam yang terang terangan diharamkan oleh Allah. Sabda Rasulullah SAW: “... Hak setiap Muslim terhadap Muslim yang lain adalah haram darah, harta dan kehormatannya” ([Muslim, 2000](#); [al-Nawawi, 2007](#)).

Allah SWT melarang umat Islam daripada cenderung kepada orang-orang yang zalim: “Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain dari Allah. Kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan Surah Hud: 113 ([Abdullah Muhammad Basmeih, 1994](#)). Kecenderungan kepada kezaliman dalam ayat bermaksud reda dengan kezaliman tersebut ([al-Qurtubi, 2006](#)).

4.6. Keenam: Tidak Memerangi dengan Senjata Terhadap Umat Islam

Mengangkat senjata untuk memerangi umat Islam termasuk dalam sebahagian perkara mungkar yang membawa kepada kemusnahan dan kerosakan yang besar. Menumpahkan darah umat Islam tanpa hak diharamkan oleh Islam. Perkara pertama yang dihisab oleh Allah SWT di akhirat adalah jenayah yang menumpahkan darah ([al-Bukhari, 1999](#); [Muslim, 2000](#)). Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang mengangkat senjata memerangi kami (umat Islam) maka dia bukan daripada golongan kami” ([al-Bukhari, 1999](#)).

Terdapat sesetengah pihak mengambil tindakan memerangi orang mukmin lalu melakukan pembunuhan secara rawak tanpa membezakan pihak yang baik dan jahat. Terdapat nas yang melarang memerangi atau menumpahkan darah orang Islam sebagaimana firman Allah SWT: “Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya, dan melaknatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar.” Surah al-Nisa’: 93 ([Abdullah Muhammad Basmeih, 1994](#)). Sabda Rasulullah SAW: “Sesiapa yang keluar daripada ketaatan lalu meninggalkan Jemaah, jika mati maka kematiannya dalam keadaan jahiliah, sesiapa yang berperang di bawah pimpinan secara membabi buta, marah disebabkan kepuakan, menyeru kepada kepuakan, atau menolong atas dasar kepuakan lalu mati maka kematiannya adalah kematian jahiliah, sesiapa yang memerangi umatku lalu membunuh orang baik dan jahat tanpa mengecualikan orang beriman, tidak menunaikan janji kepada zimmi, dia bukan daripada kaumku dan aku bukan daripadanya” ([Muslim, 2000](#); [al-Nawawi, 2007](#)).

Jika terdapat perselisihan antara kumpulan umat Islam, hendaklah diselesaikan secara diplomasi dengan merujuk kepada al-Quran dan hadis. Firman Allah SWT: ... “Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika

kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.” Surah al-Nisa’: 59 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

Islam mengajar umatnya supaya bersabar dan tidak melakukan pemberontakan bersenjata ke atas pemimpin yang zalim kecuali jika pemimpin tersebut menzahirkan kekufuran yang nyata tanpa sebarang keraguan. Sabda Rasulullah SAW: “Kami memberikan baiah tatat setia untuk mendengar dan taat sama ada ketika dalam keadaan bersemangat atau lemah longlai, dalam kesukaran atau senang, tidak mendahulukan kepentingan kami serta tidak menggulingkan pemerintah daripada takhtanya, kecuali jika melihat kekufuran yang jelas yang terdapat dalil dan bukti daripada Allah SWT, sentiasa mengatakan kebenaran di mana sahaja tanpa rasa takut dan gentar di jalan Allah SWT terhadap celaan para pencela” (al-Bukhari, 1999; Muslim, 2000).

4.7. Ketujuh: Jangan Menyertai Kumpulan yang Menyalahi Asas Ilmiah Islam (Akidah dan Syariat)

Firman Allah SWT: “Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (ugama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraiberaikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa” Surah al-An’am: 153 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994). Ketentuan jalan hidayah atau kesesatan berkait rapat dengan pilihan jalan ketaatan atau keingkaran kepada Allah SWT dan Rasul.

Golongan yang mengikut ajaran al-Quran dan sunah adalah Ahli Sunah Waljamaah manakala golongan yang menyeleweng dikenali sebagai ahli bidaah. Oleh itu, golongan yang mahukan kejayaan di dunia dan akhirat hendaklah mengikut ajaran al-Quran, sunah serta ijmak ulama salaf. Dengan kata lain, perlu mengikut Ahli Sunah Waljamaah dengan mendampingi kebenaran dan mengikutinya tanpa melihat kepada bilangan dan jumlah yang ramai atau sedikit (al-Sawi, 1994). Oleh demikian itu, umat Islam mesti melazimi metode kesederhanaan Ahli Sunah Waljamaah dengan memahami dan mendalami al-Quran dan hadis. Metode yang ekstrem hendaklah di jauhi supaya ikatan persaudaraan Islam kekal erat dan kukuh dalam kesatuan.

5. Perbincangan Kajian

Sebelum kedatangan Islam, bangsa Arab adalah kabilah-kabilah yang berpecah. Di atas asas kekabilahan dan apa yang lahir daripadanya daripada semangat kepuakan telah menjadikan mereka bermegah-megah dengan nasab keturunan, bertolong-tolongan dalam perkara yang benar dan salah. Setelah kedatangan Islam, Allah SWT menyatakan bahawasanya Dia menjadikan manusia berbagai bangsa dan kabilah supaya berkenal-kenalan antara satu sama lain sebagaimana ayat di atas. Perbezaan bangsa dan kabilah bukan untuk saling bermusuhan tetapi untuk berkenalan. Firman Allah SWT: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)” Surah al-Hujurat: 13 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

Dalam sejarah Islam, kita mendapati ada dua kumpulan terbesar iaitu Muhajirin dan Ansar yang mana Allah SWT menyebut kedua-duanya dalam Al-Quran secara khusus. Golongan Muhajirin telah disebut dalam al-Quran sebagai golongan yang benar di akhir ayat sebagaimana firman Allah SWT: "(Pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah, yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam), untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaanNya, serta menolong (agama) Allah dan RasulNya; mereka itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya)" Surah al-Hashr: 7 [Abdullah Muhammad Basmeih \(1994\)](#).

Manakala golongan Ansar pula disebut dalam al-Quran sebagai golongan yang berjaya sebagaimana firman Allah SWT: "Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya" (Surah al-Hashr: 8).

Dalam ayat yang lain Allah SWT menyatakan bahawa sesiapa yang mengikuti jalan yang dilalui oleh Muhajirin dan Ansar akan mendapat keredhaan-Nya: "Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu" Surah al-Hashr: 9 ([Abdullah Muhammad Basmeih, 1994](#)).

Ini adalah keadaan umat Islam di zaman Nabi Muhammad SAW yang merupakan kurun yang terbaik. Umat Islam pada masa itu masih berada dalam kabilah mereka dengan ketua masing-masing dan dalam masa yang sama mereka berada di bawah kepimpinan Rasulullah SAW. Walaupun pada zaman Rasulullah SAW ada dua golongan terbesar umat Islam iaitu Muhajirin dan Ansar, oleh kerana persaudaraan Islam yang mengajak kepada kesatuan ummah dipraktikkan, maka mereka boleh hidup aman damai sebagaimana dibuktikan oleh sejarah Islam.

Jika diperhatikan pada zaman ini, umat Islam perlu memperkasakan konsep-konsep perpaduan sebagaimana saranan al-Quran lebih-lebih lagi dengan wujudnya pelbagai kumpulan umat Islam termasuk parti politik. Jangan runtuhkan persaudaraan Islam hanya kerana perbezaan pendapat, kumpulan atau parti politik.

Adalah tidak wajar jika persaudaraan ini hilang dengan sikap fanatik terhadap kumpulan atau persaudaraan hanya berlaku dan berlegar antara ahli kumpulan tersebut sahaja. Perkara ini amat bertentangan dengan saranan Allah SWT dalam al-Quran yang menganjurkan persaudaraan umum antara seluruh umat Islam. Persaudaraan yang khusus membawa kepada kepincangan saf umat Islam yang menghancurkan kesatuan dan kekuatan umat Islam, mencetuskan permusuhan dan ketegangan. Wajib ke atas setiap kumpulan untuk menjaga persaudaraan antara seluruh umat Islam. Apa yang dapat disaksikan, sebahagian kumpulan telah mengkhususkan wala' hanya kepada ahli

kumpulannya sahaja berbanding umat Islam yang lain. Ini bercanggah dengan nas-nas yang telah dikemukakan.

Masyarakat yang beriman adalah masyarakat yang sentiasa tolong-menolong dalam melakukan kebajikan dan ketakwaan. Mereka akan menegah masyarakat daripada melakukan dosa dan permusuhan sesama mereka. Semua individu akan berusaha untuk mendapat kejayaan yang diredai Allah SWT. Mereka takut untuk melakukan dosa yang berpunca daripada kezaliman, penipuan, pembunuhan, hasad dengki, menghina, mengaibkan, menyakiti seseorang dan seumpamanya. Ini kerana mereka takutkan Allah SWT dan takut untuk berhadapan denganNya.

Rasulullah SAW memberikan jalan keluar terhadap kemelut yang melanda umat Islam melalui hadis yang mafhumnya “Aku wasiatkan kepada kamu agar selalu mendengar dan taat meskipun yang memimpin (secara paksa) adalah hamba berkulit hitam. Sesiapa yang masih hidup sepeninggalanku akan melihat perselisihan yang banyak. Berpegang teguhlah dengan sunahku dan sunah Khulafa al-Rashidin. Gigitlah sunah itu dengan gigi geraham. Jauhilah perkara bidaah kerana setiap bidaah adalah sesat” (Abu Dawud, 2009; al-Tirmidhi, 2009; Ibn Majah, 2009).

Sehingga kini, perselisihan politik umat Islam melahirkan pelbagai kumpulan yang bermusuhan menjadikan ummah semakin lemah dan terkapai-kapai dibadai ombak fitnah persis amaran dan gambaran Rasulullah SAW dalam hadis yang terbukti benar-benar berlaku sejak zaman berzaman. Sudah tiba masanya umat Islam perlu mengambil saranan Rasulullah SAW dengan serius untuk kembali membina kesatuan ummah berdasarkan konsep persaudaraan Islam sejagat. Berbeza pandangan adalah lumrah dan tidak semestinya menjadi alasan untuk berpecah belah.

6. Kesimpulan

Natijahnya, masyarakat yang bersatu padu akan membentuk bangsa yang kuat dan kukuh. Oleh itu, perkasakanlah konsep perpaduan agar kegemilangan tamadun Islam dapat dikembalikan untuk dunia yang lebih aman dan harmoni. Al-Quran mengandungi beberapa saranan umum sebagai panduan umat Islam untuk mewujudkan dan mengekalkan perpaduan. Perbezaan pendapat boleh menimbulkan ketegangan yang membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam. Terdapat beberapa saranan al-Quran sekiranya difahami dan dihayati dalam kehidupan dapat menjaga kesatuan umat Islam dan menonjolkan sifat toleransi dalam perbezaan pendapat. Umat Islam boleh membina kesatuan sekiranya semua pihak mengamalkan kesemua saranan al-Quran. Firman Allah SWT: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri” Surah al-Ra’d: 11 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

Apabila kumpulan Islam istiqamah dengan syarat-syarat tersebut, pasti semangat persaudaraan akan terjalin erat antara seluruh umat Islam yang terdiri daripada pelbagai parti dan kumpulan. Sikap bersaksi dengan kebenaran, menegakkan keadilan sejagat walau ke atas ahli dan kumpulan sendiri, mengelakkan daripada membantu pemimpin dalam perkara maksiat serta menolak untuk melakukan kezaliman dan penindasan terhadap individu Muslim yang menyentuh pertumpahan darah, harta dan maruah walau menjadi ahli kumpulan lain. Mengelak daripada pemberontakan dengan senjata ke atas orang Islam serta menjauhi parti dan kumpulan yang terkeluar daripada agama Islam.

Apabila perkara ini berlaku, kesemua parti dan kumpulan seumpama satu pasukan yang mempunyai pelbagai kepakaran. Kesemua mengasihi antara satu sama lain dengan melazimi metode yang sama iaitu Islam dalam aspek akidah dan syariat, mengawal lidah dan tangan daripada permusuhan, serta bertolongan dalam perkara kebaikan dan takwa. Demikianlah ciri-ciri yang ada pada *Hizb Allah*. Apabila orang Islam berpegang teguh dengan iman yang sebenar, mereka menjadi seperti yang digambarkan oleh Tuhan Nya: "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik" Surah Ali 'Imran: 110 (Abdullah Muhammad Basmeih, 1994).

Kewangan (*Funding*)

Kajian dalam artikel ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis menyatakan tiada sebarang konflik kepentingan dalam penyelidikan serta penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah Muhammad Basmeih. (1994). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al- Qur'an'*. Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abu Dawud, S. A. (2009). *Sunan Abu Dawud*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Bayhaqi, A. H. (2003). *Al-Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bukhari, M. I. (1999). *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Jurjani, 'A. M. (2003). 'Kitab al-Ta'rifat. Beirut: Dar al-Nafais.
- Al-Khatib, M. A. (1990). *Ciri-ciri Khusus Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Abdul Majid & Pustaka Hamduna.
- Al-Khatib, M. A. (2008). *Penjelasan di Sekitar Risalah Ta'alim*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Nawawi, Y. S. (2007). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim Ibn al-Hajjaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qurtubi, M. A. (2006). *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al- Risalah.
- Al-Raghib al-Asfahani, al-Husayn bin Muhammad .(2013). *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Sawi, S. (1994). *Al-Thawabit wa al-Mutaghayyirat'*, Kaherah: Dar A'lam al-Duwali.
- Al-Tirmidhi, M. I. (2009). *Sunan al-Tirmidhi*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Hisham, 'Abd al-Malik. (1998). *Al-Sirah al-Nabawiyah*. Riyadh: Maktabah al-'Ubaykan.

- Ibn Jarir. (2001). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Quran*. Saudi Arabia: Hajar li al- Tiba'ah wa al-Nash wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ibn Majah, M. Y. (2009). *Sunan Ibn Majah*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Manzur, M. M. (2009). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muslim. (2000). *Sahih Muslim*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ramli Awang. (2013). *Akidah Penghayatan Tauhid al-Quran*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Yahya Othman. (2012). *Amal Jama'i - Pengertian dan Tuntutannya*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.